



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Aras 10, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Jalan Punai Tanah, Likas  
**88450 KOTA KINABALU, SABAH**

Tel : 088-537010/537153  
Faks : 088-234828  
Portal : jpnSabah.moe.gov.my  
E-mel : pengarahjpnSabah@moe.gov.my

Rujukan Tuan : ARDENTEDU2025/JPN/01/SABAH

Rujukan Kami : JPNSBH.SPS.600-11/2/1 Jld.52(24)

Tarikh : 14 Mac 2025

Mohd Suhaimi bin Ramly  
Pengarah Urusan  
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.  
100-1 Jalan 2/23A  
Off Jalan Genting Klang  
53300 Kuala Lumpur

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2025 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan daripada **Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.** JPNS **tiada halangan** bagi memberi kelulusan kepada permohonan berikut:

PEMOHON	NAMA PROGRAM / TUJUAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT PROGRAM
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.	Penganjuran Program dan Penglibatan Murid Dalam Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2025 Anjuran Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.	30 April 2025 hingga 18 Jun 2025	Sekolah-sekolah seluruh Sabah

3. Pihak Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd. perlu mengadakan perbincangan bersama **Pengetua / Guru Besar** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program berkenaan memandangkan guru dan murid yang terlibat adalah di bawah pentadbiran Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan di samping perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- a) Mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Pengetua / Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
  - b) Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
  - c) Surat kebenaran / kelulusan tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
  - d) Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah, pegawai / guru dan murid yang terlibat;**
  - e) Program dan aktiviti yang dilaksanakan hendaklah di bawah pemantauan wakil daripada pihak sekolah;
  - f) Penyertaan guru / murid hendaklah **tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;**
  - g) Guru / Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
  - h) Penyertaan guru / murid adalah secara **sukarela** dan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
  - i) Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
  - j) Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan jika ingin membuat liputan dan rakaman media program dengan mengemukakan permohonan berserta dokumen lengkap kepada pihak JPNS selepas mendapatkan maklum balas / surat kebenaran permohonan penganjuran program ini;**
  - k) Pihak penganjur **tidak dibenarkan mengadakan pameran, demonstrasi dan seumpamanya di sekolah sebagai promosi dagangan atau barangan** kepada guru dan murid;
  - l) Surat kebenaran / kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama JPNS. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi JPNS tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPNS secara langsung;**
  - m) Pihak penganjur dikehendaki menghantar satu salinan laporan program lengkap dalam bentuk *softcopy* berformat *PDF* ke alamat e-mel [sps.jpnsabah@moe.gov.my](mailto:sps.jpnsabah@moe.gov.my) dalam tempoh 30 hari setelah selesai program/aktiviti;
  - n) Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini.** Syarat permohonan adalah seperti di dalam Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. (<https://www.moe.gov.my/logo>);

- o) Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak jabatan;
- p) Pihak penganjur juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan; dan
- q) **Sekiranya pihak JPNS mendapati pihak penganjur gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan di atas, pihak JPNS, PPD dan sekolah berhak untuk memberhentikan program tersebut agar tidak diteruskan.**

4. Untuk makluman penganjur, pihak JPNS sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pembelajaran murid dan masa mengajar guru. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan guru-guru/murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP guru / murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.


**5. Kebenaran Penganjuran Program dan Penglibatan Murid Dalam Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2025 Anjuran Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd. untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 18 Jun 2025.**

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATUK HAJI RAISIN BIN SAIDIN )**

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

s.k. Semua Pejabat Pendidikan Daerah